



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 52
No. 19

11hb September 2008

*TAMBAHAN No. 97
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 304.

AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (MALAYSIA BARAT) (PINDAAN) (No. 2) 2008

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Jalan Persekutuan 1959 [*Akta 376*], Menteri, setelah berunding dengan Kerajaan Negeri Selangor, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 2) 2008**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 12 September 2008.

Pindaan Jadual Pertama

2. Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) 1989 [*P.U. (A) 401/1989*] dipinda dalam Jadual Pertama di bawah kepala “Negeri Selangor Darul Ehsan”—

(a) dengan memasukkan selepas butiran 46 butiran yang berikut:

“47. (*Laluan 228*): *Jalan Bukit Tagar*

Bermula di koordinat U 386688.991, T 391713.592 di had sempadan penyenggaraan Lebuhraya Utara–Selatan dan berakhir di Laluan 1205 Felda Sg. Tengi di koordinat U 388147.922, T 384407.741 sebagaimana yang ditunjukkan dalam Peta 18: Jalan-Jalan Persekutuan Negeri Selangor.

Jarak sepanjang 7.90 km.”; dan

P.U. (A) 308.

AKTA INSTITUSI-INSTITUSI PELAJARAN (TATATERTIB) 1976

PERINTAH INSTITUSI-INSTITUSI PELAJARAN (TATATERTIB)
(JADUAL PERTAMA) (PINDAAN) (No. 2) 2008

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 22(2) Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 [*Akta 174*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) (Jadual Pertama) (Pindaan) (No. 2) 2008**.

Pindaan Jadual Pertama

2. Jadual Pertama Akta dipinda dengan memasukkan selepas butiran 109 butiran yang berikut:

(1)	(2)
“10. Kolej Matrikulasi Pahang	Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20
11. Kolej Matrikulasi Kedah	Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20”.

Dibuat 9 Julai 2008
[KP(BM)05/001/006; PN(PU²) 365/III]

DATO' SERI HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN
Menteri Pelajaran

EDUCATIONAL INSTITUTIONS (DISCIPLINE) ACT 1976

EDUCATIONAL INSTITUTIONS (DISCIPLINE) (FIRST SCHEDULE)
(AMENDMENT) (No. 2) ORDER 2008

In exercise of the powers conferred by subsection 22(2) of the Educational Institutions (Discipline) Act 1976 [*Act 174*], the Minister makes the following order:

Name

1. This order may be cited as the **Educational Institutions (Discipline) (First Schedule) (Amendment) (No. 2) Order 2008**.

Amendment of First Schedule

2. The First Schedule of the Act is amended by inserting after item 109 the following items:

(1)	(2)
“10. Kolej Matrikulasi Pahang	The whole Act except sections 4, 17, 18, 19 and 20
11. Kolej Matrikulasi Kedah	The whole Act except sections 4, 17, 18, 19 and 20”.

Made 9 July 2008

[KP(BM)05/001/006; PN(PU²) 365/III]

DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN HUSSEIN
Minister of Education

P.U. (A) 309.

AKTA JALAN-JALAN PERSEKUTUAN (PENGURUSAN
PERSENDIRIAN) 1984

PERINTAH JALAN-JALAN PERSEKUTUAN
(PENGURUSAN PERSENDIRIAN) (PUNGUTAN TOL)
[LEBUH RAYA JITRA–SUNGAI DUA (BUTTERWORTH)] (PINDAAN) 2005

PEMBETULAN

DALAM P.U. (A) 119 yang disiarkan pada 1 April 2005, dalam perenggan 3—

- (a) gantikan perkataan “Jadual Ketiga” yang terdapat dalam nota bahu dengan perkataan “Jadual Keempat”;
- (b) gantikan perkataan “Jadual Ketiga” yang terdapat selepas perkataan “dengan menggantikan” dengan perkataan “Jadual Keempat”; dan
- (c) gantikan perkataan “JADUAL KETIGA” yang terdapat dalam tajuk dengan perkataan “JADUAL KEEMPAT”.

[KKR/U/60/8 Jld. 4; PN(PU²)426/XXXV]